

Headline	Sasar jualan RM200j		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	24 Sep 2015	Language	Malay
Circulation	1,270,667	Readership	3,812,000
Section	Bisnes	Page No	57
ArticleSize	310 cm <sup>2</sup>	Journalist	Syarifah Dayana Syed
PR Value	RM 36,636		



**ISKANDAR (tiga dari kanan)** ketika pelancaran U for Life di Grand Hyatt Hotel.

# Sasar jualan RM200j

## ■ U for life tawar polisi insurans mudah dalam talian

Oleh Syarifah Dayana  
Syed Bakri  
dayana@hmetro.com.my  
**Kuala Lumpur**

**U** for Life Sdn Bhd, penyedia platform insurans dalam talian menyasarkan untuk mencapai jualan sehingga RM200 juta menjelang akhir tahun ini.

Syarikat yang ditubuhkan hasil kerjasama antara Hannover Re dan Tokio Marine Life Insurance (M) Bhd itu menawarkan polisi insurans yang mudah serta mampu milik secara dalam talian.

Pengurus Besarnya, Is-

kandar Ezzahuddin berkata, sehingga kini syarikat berjaya menjual polisi bernilai RM165 juta dalam tempoh kurang enam bulan selepas dilancarkan Mei lalu.

“Walaupun berdepan keadaan ekonomi yang tidak menentu, kami positif dapat mencapai sasaran ditetapkan,” katanya selepas majlis pelancaran di sini, semalam.

Menurutnya, pihaknya yakin bahawa produk yang ditawarkan akan menggalakkan lebih banyak rakyat Malaysia memiliki polisi insurans memandangkan paket yang ditawarkan mampu dimiliki dengan kadar pre-

mium serendah RM9.85 untuk perlindungan bernilai RM100,000.

“Kami juga akan melabur sehingga RM5 juta bagi tujuan promosi untuk tempoh 12 bulan akan datang dalam usaha meningkatkan kesedaran terhadap kepentingan memiliki perlindungan insurans.

“Kami akan menambah lebih banyak tawaran pada masa akan datang dan berharap lebih banyak rakyat Malaysia mendapatkan perlindungan insurans dengan sasaran sehingga 75 peratus kadar penembusan menjelang 2020,” katanya.

Sementara itu, Ahli Lem-

baga Eksekutif, Hannover Re, Claude Chevré berkata, cara pelanggan membuat pembelian sudah berubah dengan penggunaan teknologi yang meluas.

“Dengan menggunakan teknologi, kami dapat mengetahui pasti jurang dalam pasar tempatan dan jumlah individu yang dilindungi insurans. Ia juga membuktikan bahawa platform dalam talian seperti ini diterima rakyat Malaysia,” katanya sambil menambah platform berkenaan dibangunkan Intelligent Life, pembangun perisian dari New Zealand untuk industri insurans.